

Legenda

Seorang NEGARAWAN

Dr. Mahathir dari kaca mata Siti Hasmah

- Suami yang pengasih, suka Dr. Siti Hasmah bertukar pendapat dan pandangan dengannya.
- Mengambil berat penampilan isteri. Dr. Mahathir suka melihat Dr. Siti Hasmah berpakaian elok. Beliau akan puji kalau berpakaian cantik dan akan tegur kalau pakaian, mekap atau rambut tidak kena.
- Dr. Mahathir cuba mengelak berpakaian sama warna dengan Dr. Siti Hasmah sebab katanya segan 'nampak macam pengantin'.
- Tidak makan ikan kecuali sushi dan ikan masin.
- Sebagai bapa dan datuk, Dr. Mahathir penyayang kepada anak-anak terutama cucu-cucu yang cukup mesra dengan Tok Detnya.
- Seorang bapa yang disiplin tetapi toleran dengan anak-anak. Dr. Mahathir amat menekankan disiplin dalam soal pelajaran anak-anak tetapi bersedia mendengar masalah mereka.
- Sebagai pemimpin, cepat membuat keputusan dan teguh dengan apa yang telah dirancang.
- Pelucu, pandai membuat jenaka terutama dalam sindiran.
- Suka cabaran, sebab itu Dr. Mahathir cukup suka kalau ada sesi dialog kerana beliau berpeluang membalas balik soalan dan hujah daripada media atau sesiapa jua.
- Bijak berpidato. Dr. Siti Hasmah cukup suka mendengar suaminya berucap tanpa teks kerana kewibawaannya cukup ketara.

5 perkara tidak disukai Dr. Mahathir

- Lambat; sebab Dr. Mahathir seorang yang menepati masa.
- Baca surat khabar atau asyik ber'SMS' (sistem pesanan ringkas) dalam kereta. Alasannya, akan terlepas banyak pemandangan bagus di sekeliling.
- Cukup tidak berkenan lagu-lagu baru yang terlonjak-lonjak dengan lirik yang 'entah apa-apa'. Dr. Mahathir suka lagu 'evergreen' seperti *Tunggu Sekejap* (Tan Sri P. Ramlee) yang pernah didendangkannya dengan KRU, *Autumn Leaves* (Johnny Mercer) dan lagu tema filem *The Godfather, Come Back To Sorrento*.
- Penampilan tidak senonoh dengan pakaian dan rambut yang tidak kemas.
- Orang muda yang tidak menghormati orang tua.



SITI HASMAH sentiasa bersama Dr. Mahathir sebagai isteri dan teman setia.



CUCU-cucunya menunggu Dr. Mahathir di Lapangan Terbang Sultan Salahuddin Abdul Aziz sekembalinya beliau dari lawatan ke Jepun.

"Jangan diminta lagi" Tok Det mahu berehat

UM 31/10/2003 - 4 PRECISE

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

DITANYA apakah perkara pertama yang hendak dilakukan olehnya selepas Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri pada 31 Oktober ini, jawapan Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali ialah: "Berkemas."

Mungkin sukar untuk dipercayai jawapan Perdana Menteri.

Bagaimanapun, bagi Dr. Siti Hasmah, itulah yang hendak dilakukannya sebagai suri rumah tangga biasa selepas tidak lagi bergelar Wanita Pertama Malaysia.

Sewaktu ditemui di calet Perdana Menteri di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) kerana mengikuti Dr. Mahathir ke Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2003 (LIMA '03), fikiran Dr. Siti Hasmah sebenarnya berada di Kompleks Seri Perdana di Putrajaya.

"Sekarang ini rumah saya (Seri Perdana) itu berselerak. Saya di sini... sepatutnya saya berada di rumah mengemaskan barang-barang untuk 'Barangan kami masih banyak belum siap dibungkus dan disimpan untuk dipindahkan. Suami saya tak kisah, dia tahu cukup haribulan, keluar."

"Kita inilah yang buat semua itu. Mana (cenderamata) yang kerajaan punya hendak diberikan ke Galeri Perdana. Mana lagi hendak susun baju-baju termasuk yang hendak disedekah kepada orang," katanya.

Jika orang lain memperlahankan rentak apabila menghampiri tarikh persaraan, Dr. Mahathir pula semakin aktif dan padat jadualnya.

"Kesian... kadang-kadang itu saya serba-salah. Banyak orang minta bantuan sewaktu dia masih jadi Perdana Menteri. Ramai juga yang hendakkan dia sebagai Perdana Menteri menghadiri majlis-majlis bukan sahaja dalam, malah luar negara," katanya.

Jemputan terbaru termasuk dari Timor Leste yang mahukan Perdana Menteri mengadakan lawatan ke negara itu sebelum bersara Oktober ini.

"Kadang-kadang saya risau. Saya mahu dia bersara dalam tahap kesihatan yang terbaik," kata Dr. Siti Hasmah.

Namun, selepas 22 tahun berada di sisi Perdana Menteri, Dr. Siti Hasmah cukup faham dan arif tentang disiplin kerja suaminya.

Sebagai pemimpin, Dr. Mahathir memegang teguh dengan apa yang telah dirancangkannya dan sebab itu, tidak mungkin beliau meninggalkan kerja sehingga pasti akan kejayaannya.

Ini mengingatkan Dr. Siti Hasmah pada awal tahun pelantikan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri, sewaktu kerajaan menghadapi ancaman piket daripada Cuepacs berhubung tuntutan kenaikan gaji kakitangan awam.

Dr. Mahathir perlu menyediakan ucapan di Parlimen dan beliau tidak mahu sesiapa mengganggu. "Sehinggakan pada waktu itu, anak saya Mukhriz yang sedang belajar di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Pengkalan Chepa, Kelantan, jatuh sakit pun tidak diberitahu kepadanya.

"Saya sendiri yang pergi ke asrama dan membawanya ke hospital," kata Dr. Siti Hasmah. Ini tidak bermakna Dr. Mahathir bukan seorang bapa yang penyayang.

Bagi Dr. Siti Hasmah, sebagai bapa, Dr. Mahathir sebenarnya amat mengambil berat terhadap pelajaran anak-anaknya tetapi kesibukan tugas mentadbir kerajaan dan negara

menghadkan masa beliau untuk bersama mereka.

Sebagai pemimpin tertinggi negara, katanya, Dr. Mahathir kerap kali terpaksa mendahulukan tugasnya daripada keluarga.

Namun sebagai isteri yang setia, Dr. Siti Hasmah sendiri tidak ada bantahan kerana kejayaan suami termasuk ketika memenangi pilihan raya adalah juga saat yang mengembirakan baginya.

berlaku ke atas kami suami isteri. Kebahagiaan yang Tuhan bagi adalah rezeki sama ada jawatannya, tugas yang dapat diselesaikan dan masalah yang dapat diatasinya.

"Ini semua dalam doa saya. Selalunya saya mendoakan supaya dia sihat seluruh tubuh badan, daripada pemikirannya sehinggalah ke jari kuku. Alhamdulillah Tuhan makbulkan. Walaupun rambut sudah putih masih cergas dan boleh mencatat kejayaan dalam kerjaya," katanya.

Sambung Dr. Siti Hasmah lagi mengenai Dr. Mahathir: "Suami saya itu sentiasa menyatakan syukur kepada Allah s.w.t dan dia juga tidak menyekat dirinya mengucapkan terima kasih kepada orang yang membantu dirinya."

Kini pada usia 78 tahun dan menjadi 'Tok Det' kepada 15 cucu - lima lelaki dan 10 perempuan, Dr. Mahathir mahu menggunakan sebanyak masa yang boleh untuk melayan mereka.

Membahagiakan

"Saat yang membahagiakan bagi kami, Tok dan Tok Det ialah apabila dapat berkumpul bersama anak-anak dan cucu-cucu sama ada untuk menyambut hari jadi, meraikan ulang tahun perkahwinan dan sebagainya.

"Anak-anak pun pandai mengaturkan majlis sambutan tetapi kami sendiri selalu sibuk. Macam tahun ini, hari jadi kami di luar negara...ulang tahun perkahwinan pula, saya di Melaka," katanya.

Justeru permintaannya selepas Dr. Mahathir bersara:

"Janganlah diminta lagi, kurangkanlah menyibukkan dia dengan aktiviti-aktiviti. Selepas ini berilah kami peluang untuk kembali menghabiskan masa bersama."

Dr. Siti Hasmah mengakui tidak mungkin baginya dan Dr. Mahathir untuk berhenti serta-merta daripada melibatkan diri dalam acara-acara dalam negara selepas persaraan kelak.

Justeru menurutnya, Dr. Mahathir akan tetap mempunyai jadual aktiviti harian cuma tidak lagi akan melibatkan diri dalam acara dan prosedur kerajaan.

Ke mana pula Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah akan menetap selepas ini?

Menurut Dr. Siti Hasmah, mereka akan berpindah ke Country Heights, Kajang, rumah pertama yang dibeli oleh mereka hasil penjualan rumah di Titi Gajah, Kedah.

"Yang lucunya, rumah itu asalnya ada dua bilik sebab Dr. Mahathir tak mahu besar-besar, cukup satu bilik tidur utama dan satu lagi untuk anak-anak.

"Tetapi sekarang ini, Mazhar dan Maizurah sudah besar...tak akan nak kongsi bilik lagi. Jadi (rumah itu) terpaksa diubah suai untuk tambah satu bilik lagi," katanya sambil menutup perbualan.



DR MAHATHIR disambut oleh cucunya di Lapangan Terbang Sungai Besi. Detik ini dirakamkan pada Februari 1987.



DR. MAHATHIR bersama isteri dan anak-anak.